

TARIKH	29 / 04 / 2014	SEKSYEN	DUNIA
MUKA SURAT	49	RUANGAN	

## Lapan maut akibat MERS di Arab Saudi

**JEDDAH** - Seramai lapan lagi mangsa meninggal dunia akibat Sindrom Pernafasan Asia Barat (MERS) menjadikan jumlah kematian akibat penyakit tersebut meningkat kepada 102 orang, kata Kementerian Kesihatan Arab Saudi semalam.

Kematian tersebut menjadikan seramai 39 pesakit meninggal dunia pada bulan ini akibat penyakit itu sekali gus mencecutkan kebimbangan orang ramai berhubung peningkatan jangkitan virus berkenaan.

Kata Kementerian Kesihatan, antara

mangsa terbaharu yang meninggal dunia termasuklah seorang bayi berusia sembilan bulan.

Tambahnya, seramai 16 pesakit disahkan dijangkiti virus berkenaan menjadikan seramai 339 kes MERS yang mula dikesan pada April 2012. - AFP